

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

SOALAN:

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :-

- a) langkah yang telah diambil oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran untuk menyelesaikan masalah banjir di Taman Happy, Jalan Tok Ungku, Kampung Chedang dan Kampung Singh yang disebabkan oleh Sungai Linggi yang cetek; dan
- b) langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk menyelesaikan masalah banjir kilat di Kampung Baru Batu 8, Labu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sembilan telah dan sedang melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sg. Linggi sejak Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) daripada tahun 2008 sehingga kini mengikut fasa-fasa bagi mengatasi masalah banjir di sepanjang Sg. Linggi. Fasa 1 dan Fasa 2 RTB Sg. Linggi telah disiapkan. Manakala status terkini Fasa 3 adalah sebanyak 38%. Skop pelaksanaan projek yang telah siap ialah dari Kuala Linggi ke Siliau iaitu lebih kurang 27 kilometer.

Walau bagaimanapun kawasan-kawasan yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat belum lagi termasuk di dalam skop projek ini. Pihak Kerajaan telah memohon untuk meneruskan projek ini pada Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) yang akan merangkumi sebahagian daripada kawasan-kawasan tersebut. Skop kerja RTB Linggi Fasa 3 adalah :

1. Kerja Mendalam dan Melebarkan Sungai;
2. Pembinaan Ban Banjir;

3. Pembinaan Struktur Pengawalan Tebing;
4. Penanaman Pokok Bagi Penandaan Rezab Sungai; dan
5. Kolam takungan banjir Di Kg Silliau Ilir

b) Masalah banjir kilat di Kampung Baru Batu 8, Labu adalah disebabkan oleh pengaliran air anak Sungai Batang Labu yang tidak sempurna. Sungai Batang Labu tidak boleh dilebar atau didalamkan buat masa ini kerana melibatkan tanah hak milik dan memerlukan proses pengambilan tanah sekiranya projek dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, bagi mengurangkan impak banjir, Kerajaan sentiasa melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan untuk membuang halangan sungai dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.